KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BH | | | |
| TARIKH | : | 6/7/2021 (SELASA) | MUKA SURAT | : | 15 |
| JABATAN | : | JPNP | | | |



Ceroboh hutan simpan kekal

## 18 pekebun direman 2 hari

**Kuantan:** Seramai 18 pekebun, termasuk seorang wanita yang ditahan kerana disyaki menceroboh Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam di Raub, bagi penanaman durian Musang King direman dua hari, bermula semalam.

Perintah reman itu dibuat Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Raub, Yusri Wanu Suki, pagi semalam.

Peguam, Chan Yen Hui, yang mewakili pekebun berkenaan, berkata Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) diwakili pegawai penyiasat, Asmadi Mohd pada awalnya meminta perintah reman selama empat hari di atas beberapa sebab, termasuk pegawai memerlukan lebih masa untuk merekod kenyataan daripada kumpulan pekebun berusia 17 hingga 60 tahun itu.

"Bagaimanapun, kami berpandangan, tangkapan dibuat pada jam 1.30 tengah hari semalam (kelmarin) dan pihak berkuasa sepatutnya ada masa mencukupi bagi merekod kenyataan.

"Selepas mendengar penghujahan kedua-dua pihak, mahkamah bersetuju membenarkan perintah reman selama dua hari sehingga tengah malam esok (hari ini)," katanya.

Dua lagi peguam yang mewakili kumpulan pekebun terbabit adalah Samantha Chong Yin Xin dan Collin Arvind Andrew.

Sementara itu, Yin Xin berkata, pihak pembelaan berpendapat pekebun berkenaan tidak perlu ditempatkan di lokap memandangkan polis yang membuat penyiasatan mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan, sudah membebaskan mereka dengan jaminan polis.

"Seksyen 186 membabitkan kesalahan lebih serius, tetapi pekebun diberi ikat jamin polis dan mereka juga tidak meminta penahanan reman. Melihat kes ini, reman mengikut Akta Perhutanan Negara 1984, tidak sepatutnya dibenarkan.

"Pekebun juga bersedia memberi kerjasama penuh sepanjang penyiasatan dan sanggup ke balai polis apabila diperlukan," katanya.

Yang turut hadir di kompleks mahkamah, termasuk Ahli Parlimen Raub, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji.

Laporan sebelum ini menyebut 18 individu dipercayai pekebun durian haram yang menanam Musang King, ditahan kerana disyaki menceroboh HSK Batu Talam di Raub, kelmarin.

Mereka disiasat mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara 1984, berikutan tindakan memasuki hutan simpan tanpa kebenaran.

Mohd Yusri Othman

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, Senior Asisten Komisioner Mohd Yusri Othman, pula berkata pekebun berkenaan, termasuk seorang wanita ditahan kelmarin.

"Mereka mulanya disiasat mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas dan Seksyen 427 kerana menyebabkan kerosakan, kemudian dibebaskan dengan jaminan polis.

"Bagaimanapun, JPNP sudah memulakan siasatan berikutan tindakan memasuki hutan simpan dan mereka direman bagi membantu siasatan," katanya.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Gerakan Pembela Ummah Raub (UMMAH Raub), Mohd Shahrizan Md Esa, berkata kerajaan Pahang perlu terus konsisten dan bertegas berhubung isu pencerobohan tanah haram HSK Batu Talam, Raub.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga diharap tidak berganjak, walaupun berdepan tekanan dan provokasi melampau pihak berkaitan.

*Sebahagian pekebun dibawa ke Mahkamah Raub, semalam.*

(Foto Ihsan JPNP)